

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan kes-kes kematian anggota bomba arwah Muhammad Adib dan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia cawangan Rantau Panjang, arwah Anisah Ali dan bilakah suspek-suspek yang terlibat akan diheret ke mahkamah dan dituduh

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, bagi kes kematian Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019, telah memutuskan punca kematian anggota bomba berkenaan bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek. Berdasarkan keputusan tersebut, PDRM telah menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan semula kepada pihak pendakwa.

Kertas siasatan juga telah dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara

SOALAN NO : 40

pada 23 Julai 2020 dengan cadangan-cadangan seperti berikut:

- i. Menuduh 12 orang suspek di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan yang merusuh dan menyerang jentera bomba; dan
- ii. Mengadakan inkues semula untuk siasatan lanjut jika dipersetujui oleh Peguam Negara di bawah peruntukan Seksyen 339(2) Kanun Prosedur Jenayah.

Memandangkan sehingga kini Kertas Siasatan dan cadangan inkues semula berkenaan masih berada di Jabatan Peguam Negara (AGC), saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut isu inkues semula ini agar tidak mengganggu siasatan ataupun mendahului keputusan AGC

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi kes kematian Allahyarhamah Anisah binti Ali, anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) cawangan Rantau Panjang pula, kenderaan dinaiki pegawai berkenaan telah terbabas semasa mengejar kenderaan disyaki tonto ketika menjalankan tugas operasi Cegah Penyeludupan. Kejadian berkenaan berlaku pada 7 Oktober 2016 di Kampung Banggol Kong Pasir Mas Kelantan. Kes telah disiasat dibawah Sek.304(A) Kanun Keseksaan dan pihak polis telah membuat tangkapan terhadap enam (6) suspek yang mana salah seorang suspek telah dituduh di bawah seksyen 201 Kanun Keseksaan.

Walau bagaimanapun, suspek telah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah tanpa dipanggil membela diri pada 11/02/2019 manakala suspek-suspek lain telah dibebaskan dengan jamin atas arahan AGC kerana tiada bukti kukuh untuk mengaitkan penglibatan mereka dalam kes ini. Pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut berkenaan dalam kes ini.